

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KHOO POAY TIONG (KOTA  
MELAKA)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kos yang dibelanjakan untuk sistem Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS) terutamanya kepada syarikat pengendali Bestinet Sdn. Bhd, dan apakah kesannya kepada proses dan kos pengambilan kepada majikan dan pekerja asing tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKPPA-PATI) Kali ke-14 Bil.2/2015 yang diadakan pada 20 Ogos 2015 telah bersetuju untuk melaksanakan sistem *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) yang dibangunkan oleh Syarikat Bestinet Sdn. Bhd.

Sistem FWCMS merupakan sebuah sistem holistik permohonan dan pengurusan pekerja asing secara dalam talian (*online*) bermula daripada proses pengambilan di negara-negara sumber sehingga tiba di Malaysia. Ia terdiri daripada lima belas (15) modul berasingan yang berhubung kait di mana tujuan utama sistem ini adalah untuk memastikan pihak Kerajaan, negara-negara sumber, majikan dan pekerja asing dapat menikmati penambahbaikan permohonan dan pengurusan secara atas talian.

Proses tapisan dan kawalan kemasukan pekerja asing ini merupakan prosedur operasi standard dan telah dilaksanakan kepada semua calon pekerja asing di negara-negara sumber. Perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat pengendali perkhidmatan tidak melibatkan sebarang peruntukan atau implikasi kewangan kepada Kerajaan. Sebagai timbal balas, pihak syarikat dibenarkan untuk mengenakan caj kepada pemohon pada suatu kadar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi pelaksanaan modul *Bio-Medical* yang merupakan salah satu modul di dalam FWCMS tersebut, Kerajaan tidak menanggung sebarang implikasi kewangan dan membenarkan pihak syarikat mengutip caj perkhidmatan sebanyak RM100 daripada bakal pekerja asing di negara sumber bagi penggunaan perkhidmatan *Bio-Medical*. Walau bagaimanapun, caj perkhidmatan tersebut akan dipulangkan sebanyak 100% jika bakal pekerja asing tidak melepasi proses Pengesahan Kelayakan dan Kehadiran (PKK) *atau Attendance and Eligibility Verification (AEV)*. AEV merupakan salah satu mekanisme untuk menyemak status bakal pekerja asing sama ada tersenarai di dalam rekod *Blacklist (BL)*, *Suspect List (SL)*, *Double Applications (DA)*, *Active Pass (AP)* dan *Cooling Period (CP)* JIM yang dilaksanakan melalui modul Bio-Medical.

Pada masa ini, Kementerian dalam proses mengkaji semula pelaksanaan kesemua sistem yang dilaksanakan oleh syarikat pengendali perkhidmatan bagi memastikan keperluan dan pelaksanaannya adalah selaras dengan dasar dan hasrat Kerajaan semasa, termasuk pelaksanaan sistem FWCMS. Kementerian ini akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menjalankan kajian dan pemeriksaan ke atas pelaksanaan sistem FWCMS di negara-negara sumber terpilih dan mengemukakan laporan yang lengkap kepada Jemaah Menteri bagi menentukan hala tuju pelaksanaan sistem tersebut.